

24/10/2000

Pemuda Terengganu perlu lebih aktif dampingi rakyat

Ibrahim Muhamad

DALAM usaha Umno mempergiatkan sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) di Terengganu, Pergerakan Pemuda Umno sebagai sayap kanan parti seharusnya memainkan peranan yang lebih agresif, matang dan mesra rakyat.

Sehingga ini, nampaknya pergerakan itu masih belum memperlihatkan satu usaha yang positif dan kental ke arah memantapkan Umno di Terengganu, terutama dalam usaha menarik balik ahli mereka yang berpaling tadah dalam pilihan raya umum yang lalu, apatah lagi untuk memastikan isu royalti yang digembar gemburkan oleh Pas ditangani. Secara keseluruhannya aktiviti kumpulan yang pernah digelar 'pressure group' atau 'ginger group' pada zaman kegemilangannya, kelihatan hambar dan mendatar saja.

Dari segi luarannya, Pemuda Umno seolah-olah tidak terarah sejak BN menerima tamparan hebat apabila kalah teruk sehingga teraju pemerintahan negeri Terengganu jatuh ke tangan Pas.

Apa yang jelas sebaik saja BN kalah, beberapa pemimpin pergerakan itu terus menuding jari menyalahkan orang lain, termasuk kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, yang dianggap seolah-olah penjenayah besar dengan jatuhnya BN Terengganu dalam pilihan raya umum itu.

Kurangnya kewibawaan kepemimpinan pergerakan itu diselak dalam Perhimpunan Agung Umno Malaysia yang baru lalu. Tidak ada seorang pun wakil dari Pemuda Umno Terengganu yang dipilih untuk menduduki kerusi Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, kecuali Datuk Wan Farid Datuk Perwira Negara, yang dilantik oleh Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn.

Walaupun kadang-kadang sesetengah ahli pergerakan itu menggelarkan Wan Farid, sebagai Indra Bangsawan, sebenarnya pemilihan beliau (Wan Farid) adalah tepat kerana tokoh muda yang mempunyai kelayakan, berkebolehan, berketrampilan dan bijaksana yang perlu diketengahkan.

Apa yang jelas sehingga kini pergerakan ini masih terkial-kial dengan program yang tidak menampakkan pangkalan, masih kabur dengan kumpulan sasar dan tercari-cari pendekatan yang sesuai untuk bergerak supaya seiring dengan program yang diatur oleh Umno Perhubungan, Umno Bahagian dan parti komponen BN.

Sepatutnya, apa yang harus dilakukan oleh Pemuda Umno bukan setakat membuat laporan polis, tetapi mencari tokoh yang boleh berhadapan dengan Pas yang penuh dengan muslihat dan tipu daya politik yang tidak difahami Pemuda.

Dulu Pemuda mempunyai tokoh seperti Zuber Embong, yang petah berucap, berkelulusan undang-undang dan faham mengenai Islam tetapi kini seolah-olah sudah agak merajuk hati. Tokoh ini walaupun sudah melebihi usia pemuda tetapi pergerakan itu tidak boleh memandang remeh kebolehannya dan kelebihanannya perlu ditimba.

Pemuda Umno Terengganu sebenarnya mempunyai puluhan tokoh yang berwibawa dan boleh diketengahkan, tetapi mereka ini dibayangi oleh tindak tanduk beberapa tokoh tradisi yang menyebabkan kumpulan berkenaan sukar mendekati parti itu secara penuh masa.

Rahin Said, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu yang pasti tidak akan bertanding untuk merebut jawatan ketua dalam mesyuarat agung akan datang kerana usianya sudah menjangkau 40-an, seharusnya meninjau secara terperinci tokoh-tokoh baru dalam pemuda yang boleh ditampilkan.

Jika perlu membawa mereka masuk, heretlah, dan pupuklah semangat juang bangsa Melayu supaya mengenal jati diri yang kini menjadi tulang belakang kepada pemerintahan negara Malaysia dan warisi daya kecemerlangan

pemerintahan daripada pemimpin Melayu yang pertama Tengku Abdul Rahman sehingga pemimpin Melayu bertaraf antarabangsa mutakhir ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jangan biarkan tokoh muda yang cemerlang dalam masyarakat menjadi pengkritik, memaki hamun, mengherdik, menghina dan memfitnah kepada pemimpin sendiri yang pernah membawa kejayaan kepada orang Melayu dan Islam di negara ini.

Penghujung tahun ini dan tahun-tahun akan datang kira-kira 25,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), akan keluar dari kepompong persekolahan di seluruh Terengganu dan menuju alam yang lebih tinggi seperti kolej, universiti atau terus kepada alam pekerjaan.

Setakat mana pergerakan Pemuda Umno sudah memainkan peranan untuk membawa mereka supaya mencintai bangsa mereka, negara mereka dan nasib masa depan generasi mereka dalam sebuah negara yang sudah merdeka dan sedang menuju millennium baru yang tidak pernah difahami sebelum ini.

Pergerakan pemuda sepatutnya memainkan peranan untuk memastikan golongan ini supaya mendapat arah untuk mengenal jati diri, sejarah perjuangan bangsa dan negara, agama Islam yang syumul dan tidak fanatik atau taksub kepada perkara tokoh tertentu tanpa memahami erti perjuangan sebenar.

Jika peranan ini dapat dimainkan dengan sebaik-baiknya oleh Pergerakan Pemuda Umno selain dapat memperkukuhkan kesatuan orang Melayu, kehidupan masa depan bangsa ini akan lebih terarah, terjamin tahu harga diri serta memartabatkan maruah bangsa.

Jangan sampai disebabkan terlalu sibuk dengan program yang hanya untuk menonjol diri sendiri menyebabkan anak bangsa hilang arah tuju, berkecimpung dalam kancah kejahilan yang disandiwarkan oleh pihak tertentu yang ingin melihat bangsa Melayu beragama Islam ini lemah dan hancur.

Harapan Hishamuddin untuk mewujudkan sebuah akademi pemuda di Kampung Abdullah Hukum Kuala Lumpur, adalah satu buah fikiran yang cukup jitu yang sepatutnya diambil peluang oleh semua orang Melayu. Apa tindakan positif dan komitmen Pergerakan Pemuda Umno Terengganu dalam menyahut idea yang bernas ini.

(END)